

CERT, PBK dirancang diwujudkan seluruh negeri

BH ONLINE | Selasa, 19 November 2019 | 4:05pm



TIMBALAN Ketua Menteri, Datuk Amar Douglas Uggah Embas memeriksa perbarisan ketika menghadiri Majlis Tamat Latihan Kursus Sijil Sains Kebombaan Siri 1/2019 di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Sarawak di Bau. NSTP/Mohd Roji Kawi

BAU: Lebih banyak Pasukan Tindakan Kecemasan Komuniti (CERT) atau Pasukan Bomba Komuniti (PBK) akan ditubuhkan di negeri ini bagi membolehkan tindakan segera diambil ketika menghadapi bencana.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, berkata pasukan itu lebih mudah melaksanakan tindakan awal dalam keadaan kecemasan sama ada kebakaran, banjir atau bencana alam lain kerana dianggotai oleh penduduk kampung atau rumah panjang itu sendiri.

Beliau berkata, bagi memastikan keberkesanan ketika menghadapi situasi kecemasan, pasukan berkenaan akan mendapat latihan yang akan dikendalikan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

“Kerajaan negeri akan menyediakan peralatan seperti alat pemadam api dan JBPM akan memberikan pendedahan bagi membolehkan penduduk bertindak.

“Dengan cara itu, tindakan dapat diselaras sementara menunggu kehadiran pasukan penyelamat,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Tamat Latihan Kursus Sijil Sains Kebombaan Siri 1/2019 di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Sarawak, di sini, hari ini.

Turut hadir pada majlis tamat latihan membabitkan 77 Pegawai Bomba gred KB19 itu ialah Ketua Pengarah JBPM, Datuk Mohamad Hamdan Wahid dan Pengarah JBPM negeri, Khirudin Drahan.